

29 SEP 1999

Abdullah-Barisan

ABDULLAH CADANG KOMPONEN BN CONTOHI UMNO HADAPI PILIHAN RAYA

KUALA LUMPUR, 29 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mencadangkan semua parti komponen Barisan Nasional (BN) mencontohi Umno yang telah mula menjalankan pemeriksaan mengenai persediaan untuk menghadapi pilihan raya akan datang.

Timbalan Perdana Menteri berkata Umno telah mula menjalankan pemeriksaan berhubung persediaan di peringkat bahagiannya di seluruh negara.

"Saya mencadangkan parti komponen bukan Umno juga membuat persediaan cara Umno itu, melainkan mereka ada cara tersendiri yang lazim mereka gunakan apabila menghadapi pilihan raya," katanya kepada pemberita di sini.

Abdullah yang juga Naib Presiden Umno yang menjalankan tugas Timbalan Presiden parti sebelum itu mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa sambutan ke-25 BN dan Jawatankuasa Pengurusan BN. Ia dihadiri wakil semua parti komponen BN.

Beliau berkata, semua wakil 14 parti komponen BN yang hadir pada mesyuarat itu tidak menentang cadangan berkenaan di samping menyatakan persetujuan masing-masing untuk bekerjasama di semua peringkat bagi menghadapi pilihan raya.

Katanya, pada setiap pilihan raya, persediaan Umno ialah untuk memastikan kemenangan calon BN sama ada calon itu daripada Umno atau parti-parti komponen BN yang lain.

"Persediaan Umno bukan hanya untuk calon Umno sahaja, persediaan Umno adalah untuk memastikan kemenangan calon Barisan Nasional," katanya.

Abdullah juga berkata, semua wakil parti komponen BN bersetuju tidak akan menimbulkan perkara yang berkaitan dengan calon serta pengagihan kerusi di peringkat kebangsaan, negeri, bahagian parlimen dan dewan undangan negeri menjelang pilihan raya.

Semua ini akan diputuskan apabila tibanya masa nanti antara ketua-ketua komponen BN dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku pengerusi BN.

"Pengkakuan semua pihak itu adalah sesuatu yang menyenangkan," katanya.

Abdullah berkata semangat musyawarah adalah semangat BN yang melambangkan kesediaan untuk bekerjasama dan muafakat yang memberi kebaikan dan kemenangan kepada Barisan Nasional.

Mengenai ulang tahun ke-25 BN yang jatuh pada 24 Okt ini, beliau berkata tarikh dan tempat sebenar sambutan itu belum ditetapkan.

Bagaimanapun, katanya, beliau berpuas hati dengan persiapan semua jawatankuasa kecil untuk sambutan itu.

Katanya jemput rasmi tidak dikeluarkan tetapi mana-mana anggota parti komponennya boleh menghadiri sambutan itu.

"Seramai mana nak datang-datanglah...itu yang penting kerana saya percaya bagi ahli komponen BN, inilah masanya kita rasa amat bangga dengan 25 tahun kejayaan BN menerajui negara," katanya.

-- BERNAMA

RZS MAI